

D.R. 25/2024

RANG UNDANG-UNDANG KETERANGAN SAKSI KANAK-KANAK (PINDAAN) 2024

PINDAAN DALAM JAWATANKUASA

TEKS BAHASA KEBANGSAAN

Fasal 4

Fasal 4 Rang Undang-Undang dipinda dalam seksyen baharu 2B—

- (a) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan “mempunyai pemahaman yang mencukupi mengenai keseriusan memberikan keterangan dalam prosiding dan memahami kewajipan bercakap benar” dengan perkataan “memahami sifat sumpah”; dan
- (b) dalam subseksyen (2), dengan menggantikan perkataan “dan tidak mempunyai pemahaman yang mencukupi mengenai keseriusan memberikan keterangan dalam prosiding dan tidak memahami kewajipan bercakap benar” dengan perkataan “atau tidak memahami sifat sumpah”.

HURAIAN

Pindaan kepada *fasal 4* Rang Undang-Undang bertujuan untuk meminda subseksyen baharu 2B(1) dan (2) untuk menggantikan peruntukan yang kompleks dengan peruntukan yang lebih jelas mengenai kehendak saksi kanak-kanak dalam memberikan keterangan dengan sumpah atau selainnya. Dengan pindaan ini, adalah memadai untuk memperuntukkan bahawa seseorang saksi kanak-kanak boleh memberikan keterangan dengan sumpah jika dia telah mencapai umur dua belas tahun dan memahami sifat sumpah. Saksi kanak-kanak yang belum mencapai umur dua belas tahun atau tidak memahami sifat sumpah boleh memberikan keterangan

tanpa sumpah dan Mahkamah hendaklah memaklumkan saksi kanak-kanak itu bahawa dia mempunyai kewajipan untuk bercakap benar dan menghendaki saksi kanak-kanak itu berjanji untuk bercakap benar.

D.R. 25/2024

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Keterangan Saksi Kanak-Kanak 2007.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Keterangan Saksi Kanak-Kanak (Pindaan) 2024.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Pindaan tajuk panjang

2. Akta Keterangan Saksi Kanak-Kanak 2007 [*Akta 676*], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dengan menggantikan tajuk panjang dengan tajuk panjang yang berikut:

“Suatu Akta yang berhubungan dengan keterangan saksi kanak-kanak.”.

Pindaan seksyen 2

3. Seksyen 2 Akta ibu dipinda dalam takrif “saksi kanak-kanak” dengan memotong perkataan “seorang tertuduh atau”.

Bahagian baharu IA dan IB

4. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 2 bahagian yang berikut:

“BAHAGIAN IA

**KEKOMPETENAN SAKSI KANAK-KANAK,
KETERANGAN SAKSI KANAK-KANAK YANG DIBERIKAN
DENGAN SUMPAH ATAU SELAINNYA DAN KETERANGAN
TANPA SOKONGAN SAKSI KANAK-KANAK**

Kekompetenan saksi kanak-kanak

2A. (1) Semua saksi kanak-kanak hendaklah dianggap kompeten untuk memberikan keterangan dalam mana-mana prosiding.

(2) Seseorang saksi kanak-kanak tidak kompeten untuk memberikan keterangan dalam suatu prosiding jika Mahkamah mendapati, berdasarkan inkuiri yang dijalankan di bawah seksyen 2c, bahawa saksi kanak-kanak itu tidak boleh memahami soalan yang dikemukakan kepadanya atau memberikan jawapan yang rasional kepada soalan yang dikemukakan kepadanya dalam prosiding itu.

Keterangan saksi kanak-kanak yang diberikan dengan sumpah atau selainnya

2B. (1) Seseorang saksi kanak-kanak hendaklah memberikan keterangan dengan sumpah dalam suatu prosiding jika dia telah mencapai umur dua belas tahun dan mempunyai pemahaman yang mencukupi mengenai keseriusan memberikan keterangan dalam prosiding dan memahami kewajipan bercakap benar.

(2) Saksi kanak-kanak yang belum mencapai umur dua belas tahun dan tidak mempunyai pemahaman yang mencukupi mengenai keseriusan memberikan keterangan dalam prosiding dan tidak memahami kewajipan bercakap benar boleh memberikan keterangan tanpa sumpah dalam suatu prosiding dan Mahkamah hendaklah, sebelum saksi kanak-kanak itu memberikan keterangan, memaklumkan saksi kanak-kanak itu bahawa dia mempunyai kewajipan untuk bercakap benar dan menghendaki saksi kanak-kanak itu berjanji untuk bercakap benar.

(3) Apabila seseorang saksi kanak-kanak memberikan keterangan dalam suatu prosiding dan semasa memberikan keterangannya saksi kanak-kanak itu mencapai umur dua belas tahun, dia boleh terus memberikan keterangannya dengan syarat bahawa dia mengangkat sumpah dan kegagalannya untuk mengangkat sumpah apabila mencapai umur dua belas tahun tidak menjadikan keterangannya tidak boleh diterima.

(4) Keterangan saksi kanak-kanak yang diberikan tanpa sumpah di bawah subseksyen (2) hendaklah, jika diterima oleh Mahkamah, dilayan dengan cara yang sama seolah-olah keterangan itu telah diberikan dengan sumpah.

Inkuiri mengenai kekompetenan saksi kanak-kanak dan keupayaan saksi kanak-kanak untuk memahami sifat sumpah

2c. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), jika kekompetenan saksi kanak-kanak untuk memberikan keterangan atau keupayaan saksi kanak-kanak untuk memahami sifat sumpah apabila memberikan keterangan dipersoalkan, Mahkamah boleh menjalankan suatu inkuiri mengenai kekompetenan saksi kanak-kanak itu untuk memberikan keterangan atau mengenai keupayaan saksi kanak-kanak itu untuk memahami sifat sumpah apabila memberikan keterangan.

(2) Inkuiri di bawah seksyen ini hendaklah dijalankan sebelum seseorang saksi kanak-kanak mula memberikan keterangannya dan jika difikirkan perlu oleh Mahkamah, pada bila-bila masa selepas saksi kanak-kanak itu telah mula memberikan keterangannya tetapi sebelum saksi kanak-kanak itu selesai memberikan keterangannya.

(3) Mahkamah hendaklah menjalankan inkuiri itu dengan kehadiran pihak-pihak kepada prosiding dan boleh, jika perlu, menghendaki keterangan daripada mana-mana saksi lain untuk diberikan semasa inkuiri itu bagi membolehkan Mahkamah mencapai keputusannya tentang kekompetenan saksi kanak-kanak itu untuk memberikan keterangan atau keupayaan saksi kanak-kanak itu untuk memahami sifat sumpah apabila memberikan keterangan.

(4) Bagi maksud seksyen ini—

- (a) pertanyaan soalan kepada saksi-saksi hanya boleh dibuat oleh Mahkamah; dan
- (b) jika saksi yang akan dipanggil ialah seorang kanak-kanak, segala langkah yang diperuntukkan di bawah Akta ini hendaklah terpakai untuk memudahkan pemberian keterangan oleh saksi kanak-kanak itu.

Keterangan tanpa sokongan saksi kanak-kanak

2D. (1) Walau apa pun apa-apa yang berlawanan dalam mana-mana undang-undang bertulis yang lain, seseorang tertuduh boleh disabitkan atau seseorang kanak-kanak yang dipertuduh atas mana-mana kesalahan boleh didapati bersalah bagi suatu kesalahan berasaskan keterangan tanpa sokongan saksi kanak-kanak yang diberikan dengan sumpah atau selainnya.

(2) Mana-mana rukun yang memperuntukkan bahawa seseorang tertuduh tidak boleh disabitkan atau seseorang kanak-kanak yang dipertuduh atas mana-mana kesalahan tidak boleh didapati bersalah bagi suatu kesalahan berasaskan keterangan tanpa sokongan saksi kanak-kanak yang diberikan dengan sumpah atau selainnya hendaklah terhenti terpakai.

(3) Mana-mana rukun yang menghendaki Mahkamah untuk memperingatkan dirinya sebelum mensabitkan seseorang tertuduh atau membuat dapatan bahawa seseorang kanak-kanak yang dipertuduh atas mana-mana kesalahan bersalah bagi suatu kesalahan berasaskan keterangan saksi kanak-kanak yang diberikan dengan sumpah atau selainnya semata-mata kerana keterangan itu diberikan oleh seseorang kanak-kanak hendaklah juga terhenti terpakai.

BAHAGIAN IB

PENGURUSAN KES

Pengurusan kes

2E. (1) Apabila Mahkamah memulakan proses pengurusan kes di bawah seksyen 172B Kanun Tatacara Jenayah [*Akta 593*] dan seorang saksi kanak-kanak dicadangkan untuk dipanggil memberikan keterangan dalam suatu prosiding, Mahkamah boleh, semasa pengurusan kes itu, memberikan arahan mengenai cara memberikan keterangan oleh saksi kanak-kanak itu dan mengenai pengendalian pemeriksaan saksi kanak-kanak itu dalam prosiding itu untuk membolehkan pemeriksaan saksi kanak-kanak itu dijalankan secara berkesan dan untuk menggalakkan suatu perbincangan yang adil dan cepat.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), jika pengurusan kes itu adalah berkenaan dengan mana-mana kesalahan di bawah Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual terhadap Kanak-Kanak 2017 [*Akta 792*], atau mana-mana kesalahan yang dinyatakan dalam Jadual kepada Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual terhadap Kanak-Kanak 2017 sekiranya mangsa ialah kanak-kanak, dan seorang saksi kanak-kanak dicadangkan untuk dipanggil memberikan keterangan dalam prosiding yang berhubungan dengan kesalahan itu, Mahkamah hendaklah memberikan arahan yang disebut dalam subseksyen (1).

(3) Arahan yang disebut dalam subseksyen (1) boleh termasuk—

- (a) cara pertanyaan soalan kepada saksi kanak-kanak itu dan soalan yang boleh atau tidak boleh ditanya berhubung dengan isu tertentu dan pengungkapan soalan, kepada saksi kanak-kanak itu;
- (b) anggaran tempoh pemeriksaan saksi kanak-kanak itu termasuk berhenti rehat; dan
- (c) penggunaan apa-apa kelengkapan atau alat untuk membantu menyampaikan soalan kepada saksi kanak-kanak dan untuk memperoleh jawapan daripada saksi kanak-kanak.

- (4) Semasa pengurusan kes, Mahkamah—
- (a) hendaklah memberikan semua pihak peluang untuk didengar; dan
 - (b) boleh memanggil dan menerima keterangan pakar untuk membantu Mahkamah dalam membuat suatu pendapat yang berhubungan dengan—
 - (i) cara terbaik untuk berkomunikasi dengan saksi kanak-kanak itu; dan
 - (ii) apa-apa langkah yang mungkin dikehendaki untuk membantu saksi kanak-kanak itu memberikan keterangan.
- (5) Dalam memberikan arahan yang disebut dalam subseksyen (1), Mahkamah boleh mengambil kira—
- (a) umur saksi kanak-kanak itu;
 - (b) apa-apa keperluan khas saksi kanak-kanak itu;
 - (c) sifat kesalahan yang berkenaan;
 - (d) hubungan antara saksi kanak-kanak itu dengan tertuduh atau kanak-kanak yang dipertuduh atas mana-mana kesalahan;
 - (e) kemahuan saksi kanak-kanak itu; dan
 - (f) ketersediaan apa-apa kelengkapan, alat atau kemudahan yang perlu untuk membantu saksi kanak-kanak itu memberikan keterangan.
- (6) Peruntukan seksyen ini hendaklah menjadi tambahan kepada, dan tidak mengurangkan, peruntukan seksyen 172B Kanun Tatacara Jenayah.”.

Pindaan seksyen 6

5. Seksyen 6 Akta ibu dipinda—

(a) dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

“(2A) Walau apa pun subseksyen (2), suatu rakaman video boleh diterima tanpa disertakan dengan transkrip bahasa asal yang digunakan dalam rakaman video itu dan terjemahan bagi transkrip itu jika Mahkamah berpuas hati bahawa penyediaan transkrip bahasa asal itu tidak boleh dilaksanakan.”; dan

(b) dengan memotong subseksyen (7) dan (8).

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Keterangan Saksi Kanak-Kanak 2007 (“Akta 676”) dengan objektif utama untuk membuat peruntukan yang lebih baik berhubung dengan keterangan saksi kanak-kanak. Pada masa kini, Akta 676 mengandungi peruntukan berkenaan dengan cara saksi kanak-kanak memberikan keterangan sementara peruntukan substantif yang berhubung dengan kekompetenan saksi kanak-kanak dan keterangan saksi kanak-kanak yang diberikan dengan sumpah atau selainnya serta peruntukan mengenai sokongan keterangan saksi kanak-kanak adalah dinyatakan dalam Akta Keterangan 1950 [Akta 56]. Selain Akta Keterangan 1950, perundangan lain, iaitu Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual terhadap Kanak-Kanak 2017 [Akta 792], Akta Sumpah dan Ikrar 1949 [Akta 194], Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 [Akta 747] dan Akta Angkatan Tentera 1972 [Akta 77] juga mengandungi peruntukan mengenai keterangan yang diberikan oleh saksi kanak-kanak.

Dengan pindaan kepada Akta 676 untuk mengadakan peruntukan bagi kedua-dua peruntukan substantif dan tatacara mengenai keterangan saksi kanak-kanak, Akta 676 akan menjadi perundangan utama yang memberikan tumpuan mengenai keterangan saksi kanak-kanak. Oleh itu, pindaan berbangkit perlu dibuat kepada Akta Keterangan 1950, Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual terhadap Kanak-Kanak 2017, Akta Sumpah dan Ikrar 1949, Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 dan Akta Angkatan Tentera 1972 untuk meniadakan peruntukan mengenai keterangan yang diberikan oleh saksi kanak-kanak.

Memandangkan takrif “saksi kanak-kanak” di bawah Akta 676 tidaklah termasuk kanak-kanak yang dipertuduh atas mana-mana kesalahan, berkenaan dengan keterangan yang diberikan oleh kanak-kanak yang dipertuduh atas mana-mana kesalahan, peruntukan yang berkaitan telahpun diperuntukkan di bawah Akta Kanak-Kanak 2001 [Akta 611]. Walaupun Akta 676 akan menjadi perundangan utama yang memperuntukkan mengenai aspek substantif dan tatacara bagi keterangan saksi kanak-kanak, Akta 676 masih perlu dibaca bersama dengan Akta Keterangan 1950 dan Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593].

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.
3. *Fasal 2* bertujuan untuk menggantikan tajuk panjang Akta 676 supaya selaras dengan peluasan skop Akta 676 untuk memperuntukkan mengenai kedua-dua aspek substantif dan tatacara bagi keterangan saksi kanak-kanak.
4. *Fasal 3* bertujuan untuk meminda seksyen 2 Akta 676 dalam takrif “saksi kanak-kanak” untuk membetulkan takrif itu dengan memotong rujukan mengenai tertuduh.
5. *Fasal 4* bertujuan untuk memasukkan Bahagian baharu IA dan IB ke dalam Akta 676. Bahagian IA mengandungi seksyen 2A, 2B, 2C dan 2D manakala Bahagian 1B mengandungi seksyen 2E.

Seksyen baharu 2A bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kekompetenan saksi kanak-kanak untuk memberikan keterangan dalam mana-mana prosiding. Seksyen ini memperuntukkan bahawa semua saksi kanak-kanak hendaklah dianggap kompeten untuk memberikan keterangan melainkan jika berdasarkan inkuiri yang dijalankan di bawah seksyen 2C Mahkamah mendapati saksi kanak-kanak itu tidak boleh memahami soalan yang dikemukakan kepadanya atau tidak boleh memberikan jawapan yang rasional kepada soalan itu.

Seksyen baharu 2B bertujuan untuk menghendaki seorang saksi kanak-kanak untuk memberikan keterangan dengan sumpah jika dia telah mencapai umur dua belas tahun dan mempunyai pemahaman yang mencukupi mengenai keseriusan memberikan keterangan dalam prosiding dan memahami kewajipan bercakap benar. Saksi kanak-kanak yang tidak memenuhi kehendak untuk memberikan keterangan dengan sumpah boleh memberikan keterangan tanpa sumpah dan Mahkamah hendaklah memaklumkan saksi kanak-kanak itu bahawa dia mempunyai kewajipan untuk bercakap benar dan menghendaki saksi kanak-kanak itu berjanji untuk bercakap benar. Seksyen ini juga memastikan bahawa keterangan daripada seorang saksi kanak-kanak, sama ada diberikan dengan sumpah atau selainnya, diberi layanan sama rata, untuk menambah baik penyertaan dan perlindungan saksi kanak-kanak dalam proses kehakiman. Dalam hal ini, Mahkamah hendaklah mempunyai budi bicara untuk menilai kebolehpercayaan saksi kanak-kanak dan menentukan keberatan keterangan yang diberikan oleh saksi kanak-kanak berasaskan kes demi kes.

Seksyen baharu 2C menggariskan tatacara bagi Mahkamah dalam menjalankan suatu inkuiri untuk menentukan sama ada seseorang saksi kanak-kanak kompeten untuk memberikan keterangan dalam suatu prosiding dan sama ada saksi kanak-kanak memahami sifat sumpah apabila memberikan keterangan. Inkuiri oleh Mahkamah ini hendaklah dijalankan dengan kehadiran semua pihak untuk memastikan ketelusan dan boleh melibatkan saksi lain dipanggil jika Mahkamah fikirkan perlu. Semasa inkuiri, hanya Mahkamah boleh menyoal saksi untuk memastikan penjalanan inkuiri yang berkesan dan pada masa yang sama memenuhi keperluan saksi kanak-kanak itu.

Seksyen baharu 2D bertujuan untuk memansuhkan kehendak mandatori bahawa keterangan saksi kanak-kanak yang diberikan tanpa sumpah hendaklah disokong untuk mendapatkan sabitan dalam prosiding jenayah. Seksyen ini menyatakan bahawa walaupun terdapat apa-apa peruntukan yang berlawanan dalam undang-undang bertulis yang lain, seseorang tertuduh boleh disabitkan atau kanak-kanak yang dipertuduh atas mana-mana kesalahan boleh didapati bersalah bagi suatu kesalahan berasaskan keterangan tanpa sokongan seseorang saksi kanak-kanak, sama ada diberikan dengan sumpah atau selainnya dan mana-mana rukun yang memperuntukkan bahawa seseorang tertuduh tidak boleh disabitkan atau kanak-kanak yang dipertuduh atas mana-mana kesalahan tidak boleh didapati bersalah bagi suatu kesalahan berasaskan keterangan tanpa sokongan saksi kanak-kanak yang diberikan dengan sumpah atau selainnya hendaklah terhenti terpakai.

Seksyen baharu ini selanjutnya memperuntukkan bahawa rukun yang menghendaki Mahkamah untuk memperingatkan dirinya sebelum mensabitkan seseorang tertuduh atau membuat dapatan bahawa kanak-kanak yang dipertuduh atas mana-mana kesalahan bersalah bagi suatu kesalahan berasaskan keterangan saksi kanak-kanak yang diberikan dengan sumpah atau selainnya semata-mata hanya kerana keterangan itu diberikan oleh kanak-kanak hendaklah terhenti terpakai. Kehendak mandatori bagi sokongan keterangan saksi kanak-kanak telahpun ditiadakan bagi maksud pensabitan tertuduh bagi mana-mana kesalahan di bawah Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual terhadap Kanak-Kanak 2017, atau mana-mana kesalahan yang dinyatakan dalam Jadual kepada Akta itu sekiranya mangsa ialah kanak-kanak dan pensabitan tertuduh bagi mana-mana kesalahan keselamatan sebagaimana yang dinyatakan dalam Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012.

Seksyen baharu 2E bertujuan untuk memberikan panduan kepada Mahkamah apabila memulakan pengurusan kes di bawah seksyen 172B Kanun Tatacara Jenayah untuk memberikan arahan berkenaan dengan cara saksi kanak-kanak memberikan keterangan dan bagaimana pemeriksaan saksi kanak-kanak akan dijalankan. Pemberian arahan itu adalah mandatori apabila pengurusan kes itu adalah berkenaan dengan mana-mana kesalahan di bawah Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual terhadap Kanak-Kanak 2017, atau mana-mana kesalahan yang dinyatakan dalam Jadual kepada Akta itu sekiranya mangsa ialah kanak-kanak. Seksyen ini selanjutnya memperuntukkan bahawa dalam memberikan arahan itu, Mahkamah boleh mengambil kira, antara lain, umur saksi kanak-kanak itu dan keperluan khas saksi kanak-kanak itu.

Menjadi matlamat peruntukan ini untuk memastikan pertimbangan dibuat mengenai apakah langkah-langkah di bawah Akta 676 yang akan digunakan untuk membantu saksi kanak-kanak untuk memberikan keterangan supaya perkiraan yang sesuai boleh dibuat bagi memastikan prosiding berjalan dengan lancar. Sebagai tambahan, pemberian arahan semasa pengurusan kes akan memberikan masa yang mencukupi kepada pihak-pihak untuk membuat persediaan sewajarnya dan mengurangkan bantahan dan gangguan semasa pemberian keterangan oleh saksi kanak-kanak yang akan mengganggu perasaan saksi kanak-kanak itu dan memanjangkan proses pemeriksaan.

6. *Fasal 5* bertujuan untuk meminda seksyen 6 Akta 676 untuk memasukkan subseksyen baharu (2A) yang membenarkan rakaman video keterangan saksi kanak-kanak diterima sebagai keterangan tanpa disertakan dengan transkrip dalam bahasa asal yang digunakan dalam rakaman video itu atau terjemahan bahasa asal yang digunakan dalam rakaman video itu, dengan syarat bahawa Mahkamah berpuas hati bahawa penyediaan transkrip bahasa asal itu tidak boleh dilaksanakan. Sebagai tambahan, berbangkit daripada kemasukan seksyen 2A ke dalam Akta 676, *fasal* ini juga bertujuan untuk memotong subseksyen 6(7) Akta 676 mengenai penerimaan pernyataan saksi kanak-kanak yang dibuat dalam rakaman video itu dan subseksyen 6(8) mengenai penilaian seseorang saksi kanak-kanak yang mentah oleh Mahkamah dalam mempertimbangkan pernyataan yang dibuat oleh saksi kanak-kanak itu dalam rakaman video.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U2)3324]